

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 10 MAC 2015

SOALAN :

YB. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha yang dibuat untuk menggalakkan Dasar Pelancongan Islam di negara ini.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempromosikan Pelancongan Islam di Malaysia. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan aktif penggiat industri dalam pembangunan pelancongan Islam di Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan Pelan Induk Pelancongan Islam di Malaysia;
- ii. Penubuhan Islamic Tourism Centre (ITC) pada tahun 2009 dengan matlamat utamanya iaitu membangunkan sektor Pelancongan Islam di Malaysia;
- iii. Menubuhkan pejabat-pejabat Tourism Malaysia luar negara di Jeddah, Dubai dan Tehran di mana pejabat-pejabat ini menjalankan usaha-usaha promosi yang gigih untuk menarik pelancong dari Timur Tengah;
- iv. Menganjur program-program pembangunan kapasiti dari segi pembangunan pengurusan sumber manusia, tahap kemahiran profesional dan kualiti perkhidmatan berkaitan pelancongan Islam;

- v. Penyertaan dalam persidangan dan pameran pelancongan di peringkat antarabangsa dan tempatan untuk membangunkan Malaysia sebagai hab halal dan hab pelancongan Islam seperti *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *World Halal Forum (WHF)*, *World Halal Research (WHR)*, *World Islamic Tourism Mart (WITM)*, *International Conference on Muslim Travel, Hajj and Umrah (INCOMTHU)*, *Muslim World Biz (MWB)* dan Tilawah Al-Quran.
- vi. Membangunkan modul-modul latihan pelancongan Islam kepada penggiat industri;
- vii. Melancarkan laman web baru ITC pada tahun 2014 yang mengandungi maklumat-maklumat penting seperti direktori produk-produk pelancongan mesra Muslim di Malaysia; dan
- viii. Menerbitkan kolateral promosi seperti kompilasi pakej-pakej pelancongan Islam, buku "Mosque Trails in Malaysia", risalah "Muslim Friendly Malaysia", "Guide to Islamic Festivals in Malaysia" dan "e-Publication Ramadhan in Malaysia".
- ix. Menjalankan kajian-kajian seperti Kajian Ekspektasi Pelancong-Pelancong Islam ke Malaysia, Kajian Kepentingan Logo Halal Kepada Pelancong-Pelancong Islam ke Malaysia, Kajian Pengauditan ke atas Produk Dan Perkhidmatan Pelancongan Islam di Lembah Klang dan Melaka serta Kajian Pelan Strategik Pembangunan Pelancongan Islam di Malaysia.

- x. Membangunkan pakej-pakej khas pelancongan Islam hasil kerjasama dengan agensi pengembaraan dan syarikat penerbangan yang berkenaan sepertimana yang telah dilancarkan di *Arabian Travel Market 2014* di Dubai dan yang akan datang di *Arabian Travel Market 2015*, Dubai.

- xi. Membangunkan pakej-pakej Pelancongan Islam yang melibatkan pakej pelancongan berupa Masjid-Masjid lama yang mempunyai nilai sejarah serta Masjid-Masjid baru yang mempunyai rekabentuk yang unik dan moden di negara ini dan Brunei Darussalam. Pakej ini telah pun dilancarkan pada tahun 2012 dan mendapat sambutan yang baik dikalangan pelancong muslim dari seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.